

Penjawat awam malas dipencenkan awal

SINAR HARIAN 17.11.2007 MS32


Beliau terpaksa mengambil tindakan drastik membuat lawatan seperti itu kerana sudah letih memberi amaran, nasihat dan cadangan.

■ RANI ANN BALARAMAN

KAJANG - Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo, mengadakan lawatan mengejut ke Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) di sini pagi semalam bertujuan memastikan mereka menjalankan tugas dengan betul.

Menurutnya, beliau akan mengadakan lawatan mengejut ke semua pihak berkuasa tempatan (PBT) tanpa notis kerana itu memang sudah dipersejutujui oleh semua ketua-ketua jabatan.

Beliau yang meluangkan masa kira-kira satu jam setengah untuk melawat sekitar bangunan MPKj, tidak berpuas hati dengan sistem pemfailan dan sistem kaunter yang



Khir Toyo melawat bangunan MPKj bersama Hasan Nawawi pada lawatan mengejutnya.

menurutnya masih di tahap 70-an.

Katanya, tindakan drastik dengan membuat lawatan seperti itu terpaksa dibuat kerana sudah letih memberi amaran, nasihat dan cadangan tetapi mutu perkhidmatan kakitangan kerajaan masih tidak berubah.

"Saya mengambil se-

mua langkah yang saya boleh buat. Kalau mereka tidak berubah juga, saya akan mengambil tindakan dengan memberi mereka 'pencen' lebih awal.

"Saya akan terus melakukan lawatan ke beberapa PBT lagi pada masa-masa akan datang.

"Mengikuti seruan Perdana Menteri untuk

meningkatkan produktiviti kakitangan kerajaan, tahun depan saya akan mengadakan 'Tahun Produktiviti Selangor' dengan harapan pegawai-pegawai kerajaan ini akan berlumba-lumba meningkatkan produktiviti individu dan jabatan masing-masing," katanya kepada pihak media dalam sidang akhbar selepas lawatan tersebut.

Mengulas mengenai pemberian hadiah penyapu yang menimbulkan rasa tidak puas hati beberapa pihak, beliau menyatakan tindakannya itu bertujuan menyediakan perkhidmatan yang selesa kepada pengguna.

"Kutipan cukai yang baik membolehkan pihak berkuasa tempatan menyediakan lebih banyak infrastruktur kepada orang awam. Selepas ini; saya tidak memberi penyapu lagi tetapi terus menyuruh mereka tinggalkan jawatan dengan memberikan Skim Pemberhentian Sukarela (VSS)," jelasnya.